

16/12/1998

Mustapa tidak bercadang tanding jawatan tertinggi

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, tidak bercadang bertanding jawatan tertinggi Umno pada pemilihan parti tahun depan.

Mustapa yang juga Menteri Kewangan Kedua, berkata apa yang penting baginya sekarang ialah membantu Umno memenangi pilihan raya di Sabah tidak lama lagi, di samping membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merancang usaha pemulihan ekonomi negara.

Beliau berkata, banyak masanya diluangkan bagi membantu Perdana Menteri memastikan dasar berhubung pemulihan ekonomi negara dijalankan secara berkesan. "Tidak guna memegang jawatan tinggi dalam Umno tetapi kalah dalam pilihan raya," katanya selepas menyampaikan anugerah Ketua Eksekutif Tahunan Malaysia anjuran Business Times dan American Express (M) Sdn Bhd di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press (M) Bhd, Datuk A Kadir Jasin dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Ahmad Rejal Arbee.

Mustapa berkata, setiap ahli Umno perlu bekerja keras bagi memastikan Barisan Nasional (BN) memenangi pilihan raya Sabah akan datang.

Beliau berkata, Umno mesti membuat persediaan rapi bagi menghadapi pilihan raya Sabah dan pilihan raya umum kali ini.

Menurutnya, pemimpin Umno tidak seharusnya terlalu beria-ria untuk pemilihan peringkat parti tetapi apa yang lebih penting ialah memastikan Umno menang dalam pilihan raya.

(END)